

Budaya usahawan jamin masa depan

SH 20 MAC 2010 MS T8



● Pelbagai produk kreatif dipamerkan sempena Ekspo Keusahawanan 2010 UMT di Dewan Sultan Mizan.

MENGABANG TELIPOT – Pelajar dinasihatkan supaya membudayakan keusahawanan sebagai teras kepada peluang masa depan kerana bidang itu memupuk semangat kecemerlangan dan meraih yang terbaik.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi negeri, Datuk Rosol Wahid berkata, peranan pelajar adalah mengutamakan kecemerlangan akademik tetapi pada masa sama, aspek kemahiran keusahawanan boleh dipupuk serta kebolehan ditingkatkan bagi memastikan keusahawanan dijadikan pilihan kerjaya selepas tamat pengajian.

“Kerajaan memberi tumpuan khas mewujudkan usahawan muda dan mengikut laporan, hanya 2.4

peratus lepasan siswazah menceburi bidang keusahawanan berbanding di Amerika Syarikat sebanyak 10 peratus.

“Justeru, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah merancang mewujudkan tiga bidang keusahawanan baru dalam kalangan siswa iaitu Usahawan Kreatif, Usahawan Sukan dan Usahawan Teknologi Maklumat (IT),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Ekspo Keusahawanan 2010 Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di Dewan Sultan Mizan, di sini.

Menurutnya, Kerajaan Negeri juga giat berusaha memartabatkan dan membudayakan masyarakat supaya terbabit dalam sektor keusahawanan dengan harapan mampu meningkat-

kan taraf serta kualiti hidup rakyat, seterusnya menjana pertumbuhan ekonomi di Terengganu.

“Di kesempatan ini, saya juga menyarankan agar Program Pembimbing Rakan Usahawan (PRU) dan Sahabat Usahawan Terengganu yang diperkenalkan Yayasan Pembangunan Usahawan turut dimanfaatkan bersama dengan pihak UMT bagi meningkatkan kemahiran serta kebolehan keusahawanan dalam kalangan pelajar.

“Usaha ini diharap dapat dijadikan penggerak merealisasikan wawasan universiti bagi melahirkan usahawan graduan yang berketerampilan, proaktif, berpandangan terbuka dan mempunyai kemahiran berkomunikasi serta kepimpinan,” katanya.